# PELITA BRUNEI

**AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI**

**DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU**

TAHUN 20 BILANGAN 5 RABU 29HB. JANUARI, 1975. رابو 16 محرم 1395 PERCHUMA


## Murid2 Sekolah Ugama lemah dalam tulisan jawi

# *Sistem belajar di-balai2 perlu di-hidupkan semula*

**SENGKURONG. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin merasa kesal kerana sa-bilangan murid2 yang belajar di-sekolah2 Ugama di-dapati lemah dalam tulisan jawi.**

Yang Berhormat melahirkan kekesalan itu ketika beliau beruchap merasmikan Sambutan Awal Muharam di-Mesjid Jame', Sengkurong pada malam Sabtu lalu.

Beliau berkata, menurut satu kajian yang di-jalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama mengenai dengan menulis dan membacha jawi di-kalangan murid2 Darjah I Ugama menunjokkan bahawa dari jumlah 1,485 orang murid dari 73 buah sekolah Ugama di-dapati 60% ada-lah lemah dalam tulisan dan membacha jawi.

Dari jumlah 60% yang lemah dalam tulisan dan membacha jawi itu, tambah beliau, 20% di-dapati tidak tahu langsong menulis jawi; 20% yang tidak tahu membacha dan 20% lagi boleh membacha dan menulis merangkak.

Menurut beliau dari kajian2 itu ternyata bahawa kebanyakan murid2 sekolah sekarang ini sangat mundur dalam mengetahui pada menulis dan membacha jawi.

Dari kelemahan2 itu juga, tambah beliau, maka ia-nya terbawa2 pula dalam pembachaan Al-Quran oleh kerana Al-Quran di-tulis dengan tulisan Arab yang berhubong rapat dengan tulis jawi dan menjadi tulisan kita orang2 Melayu.

Memandang akan kemunduran tersebut, Yang Berhormat mengshorkan supaya sistem belajar di-balai2 dan di-rumah2 guru dan pegawai2 mesjid ada-lah mustahak di-hidupkan kembali.

Beliau perchaya dengan belajar mengaji di-balai2 dan di-rumah2 guru menurut sistem dahulu itu akan membawa kesan yang baik dan berfaedah lebeh2 lagi jika yang di-pelajari itu bukan saja membacha Al-Quran bahkan di-tambah dengan pelajaran2 Ugama.

(*Lihat muka 8*)



*Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin ketika beruchap sa-belum merasmikan sambutan Awal Muharam di-Mesjid Jame' Sengkurong. — Gambar JHEU/BP.*

## Dapatkan kebenaran dulu sa-belum menjual tanah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada beberapa orang di-Brunei telah tidak mengindahkan peruntokan2 dalam ordinan2 baru kawalan tanah dan bersetuju untok menjual tanah2 mereka tanpa terlebeh dulu mendapat kebenaran untok pechah sempadan (tanah) pegangan mereka.

Pengawal Peranchang Bandar dan Negara, Awang Sidney Litherland, menyatakan ada-lah menyalahi undang2 untok membuat sesuatu perjanjian bagi memechah sempadan atau tanah tanpa mendapat kebenaran terlebeh dulu.

Beliau menyatakan terdapat beberapa orang yang membeli sa-bidang tanah yang kemudian-nya mengetahui bahawa tuan punya asal tanah tersebut tidak mempunyai hak di-sisi undang2 untok memechah tanah pegangan-nya.

Awang Litherland berkata terdapat beberapa bidang tanah yang telah pun di-punyai bersama. Kepunyaan bersama ini tidak memberikan tuan2 punya bidang tanah hak untok memechah bidang tanah mereka supaya masing2 boleh menuntutnya sa-bagai bahagian kepunyaan-nya.

Beliau menyatakan undang2 baru itu ada-lah lebeh tegas daripada ordinan2 lama ia-itu undang2 baru itu mempunyai sharat2 yang di-kenakan katas pemechahan bahagian tanah bagi menyakinkan bahawa bidang2 tanah yang akan di-majukan mempunyai jalan keluar masok, parit2 dan lain2 kemudahan. Di-bawah undang2 baru itu tuan2 punya tanah boleh juga di-paksa supaya membersehkan tanah2 mereka serta menanam pokok2.

Di-bawah undang2 baru itu. Jabatan Peranchang Bandar dan Negara dan Jabatan Hal Ehwal Ugama telah pun mula menjalankan usaha2 menyelidek tentang soal tanah yang di-warisi.

# Pemuda - pemudi akan di-berikan latehan bertukang dan bertenun

KAMPONG AYER. — Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Setia Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof menegaskan bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia akan mengadakan latehan2 bagi pemuda pemudi negeri ini dalam pekerjaan bertenun kain, bertukang perak dan tembaga, tukang gunting dan tukang jahit.

Langkah ini, tegas beliau, sedikit sa-banyak akan melayakkan mereka bagi menjawat atau berusaha dalam lapangan masing2.

Beruchap di-majlis perasmian Meshuarat Agong Persatuan PERKASA, selaku wakil peribadi Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Haji Abd. Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar di-sini pada hari Ahad lalu, Yang Berhormat menjelaskan Kerajaan D.Y.M.M. menyedari bahawa banyak terdapat pemuda pemudi di-negeri ini maseh belum lagi mempunyai latehan2 dan pengalaman2 yang di-perlukan walau pun mereka telah lulus pepereksaan peringkat menengah.

"Sa-lain daripada meneruskan latehan di-sekolah2 kejuruteraan dan pertukangan bangunan yang di-sediakan, Kerajaan D.Y.M.M. dengan izin Allah akan mengadakan sa-chara kechil2an pada peringkat awal ini latehan2 yang melibatkan pekerjaan2 bertenun kain, bertukang perak dan tembaga dan seterusnya pekerjaan2 saperti tukang2 gunting dan tukang jahit."



*Y.B. Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Setia Awang Hussain bin Pehin O.K. Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof.*

Beliau berharap pemuda pemudi yang mempunyai kechenderongan dalam bidang2 ini tidak akan ragu2 mencheborkan diri pada merebut peluang ke-emasan ini kerana latehan2 saperti ini akan dapat memberikan kehidupan sa-chara persendirian yang mempunyai kemewahan yang berpatutan menurut keupayaan masing2.

Kerajaan D.Y.M.M. juga, tegas beliau, menyedari bahawa banyak anggota masharakat yang maseh menchari mata-pencharian yang munasabah dan sesuai bagi diri masing2.

"Bagi faedah2 menimbulkan mata2-pencharian serta mendatangkan faedah kapada mereka yang ingin berusaha, maka Kerajaan akan terus berusaha menggalakkan pro-

**(Lihat muka 8)**

# Harga gula naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Harga gula puteh di-naikkan mulai hari ini — 29hb. Januari, 1975.

Pengawal Setor2 Kerajaan menyatakan harga runchit gula puteh bagi Bandar Seri Begawan, Tutong dan Muara ia-lah 75 sen sa-kati sementara harga sa-kati gula puteh di-Kuala Belait, Seria dan Temburong ia-lah 76 sen.

Berikutan dengan kenaikkan harga gula itu, Pengawal Setor2 Kerajaan menyeru semua peniaga2 runchit gula di-negeri ini supaya mengira baki simpanan gula mereka sa-belum memulakan perniagaan mereka hari ini dan menjual dengan harga saperti yang di-tetapkan itu.

Baki simpanan yang betul hendak-lah di-laporkan kapada Pengawal Setor2 Kerajaan di-Jabatan Setor2 dan Perbekalan Negara, Gadong dengan sebeberapa segera, tetapi tidak lewat dari 3hb. Februari, 1975 untok tujuan pengiraan semula.

Sebarang peniaga yang di-dapati memberi keterangan yang palsu atau tidak betul maka tindakan akan di-ambil terhadap mereka mengikut peratoran2 yang di-kuatkuasakan sekarang.

## SERUAN KAPADA UMAT ISLAM

# Gandakan usaha dalam bidang2 kebajikan

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Awang Yahya bin Haji Harris menyatakan bahawa umat Islam seharus-nya mempunyai semangat dan azam baru untok melipat gandakan usaha dalam bidang2 yang berkebajikan.

Beliau menambah anggap-lah tahun hijrah yang baru berlalu itu sa-bagai tahun perchobaan di-mana segala kekurangan, kelemahan dan kegagalan dapat di-chatetkan sa-bagai bahan pengalaman dan panduan untok merintis jalan baru karah kemajuan umat Islam yang lebeh pesat dan bernilai.

Beliau beruchap demikian ketika merasmikan pembukaan majlis sambutan Awal Muharam 1395 bertempat di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong pada malam Sabtu lalu.

Di-samping itu tambah beliau, kita harus-lah menyedari akan tanggong jawab memimpin anak2 untok menjadi warga negara yang baik terhadap masharakat dan negara, bekerjasama, faham memahami antara satu sama lain serta menghormati undang2 dan bersedia berdiri di-belakang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei demi menyokong chita2 Kerajaan dalam Ranchangan Kemajuan Negara 5 tahun untok kepentingan dan kemakmoran raayat.

Akhir-nya beliau berseru kapada masharakat Islam di-negeri ini supaya menguatkan usaha, azam dan chita2 untok menempoh segala rintangan dan chabaran2 hidup.

Turut beruchap di-majlis itu ia-lah Kadhi Daerah Tutong, Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Razak.

Satu sharahan khas telah di-sampaikan oleh Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Kemunchak pada malam sambutan itu ia-lah peraduan menduga akal. *Bahagian A:* Johan — Sekolah Ugama Sinaut; kedua, Sekolah Ugama Telisai dan ketiga, Sekolah Ugama Muda Hashim.

*Bahagian B:* Johan — Sekolah Ugama Muda Hashim; kedua, Sekolah Ugama Kupang dan ketiga, Sekolah Ugama Danau.



*SATU majlis pengislaman bagi Pte. Samit bin Rayon dari AMDB telah di-langsongkan di-Madrasah pasokan itu di-Berakas Kem pada minggu lalu.*

*Majlis tersebut di-kelolakan oleh Pegawai2 Melayu AMDB dan di-laksanakan di-hadapan pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama yang di-ketuai oleh Y.D.M. Pehin Orang Kaya Indera Laila Dato Seri Utama/ Awang Haji Ismail bin Mat Serudin (kanan).*

*Pte. Samit (kiri) memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohammad Roszihan bin Abdullah.*

## Pesurohjaya Pengakap C'wealth akan lawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Pengakap Commonwealth, Major Sir Mack Noble akan melawat Brunei dalam bulan Mach depan.

Sa-orang juruchakap Persekutuan Pengakap Daerah Brunei-Muara menerangkan bahawa tujuan lawatan Pesurohjaya Pengakap Commonwealth itu ia-lah untok meninjau kegiatan2 pengakap di-negeri ini.

Satu achara sedang di-ator untok mengalu2kan lawatan tersebut. Ator chara lawatan itu ada-lah salah satu rumusan yang telah di-ambil dalam perjumpaan Pemimpin2 Pengakap Daerah Brunei yang di-adakan di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Gadong pada minggu lalu.

Perjumpaan yang di-pengerusikan oleh Awang Ahmad bin Dato Matnoor itu juga membinchangkan kegiatan2 pengakap yang akan di-selenggarakan pada tahun ini.

# Temasha lumba perahu memperingati lawatan Baginda Queen ka-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu temasha lumba perahu bagi memperingati Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei akan di-adakan pada hari Ahad 9hb. Februari di-Sungai Brunei berhadapan dengan Tambatan Kastam Diraja, Bandar Seri Begawan mulai jam 8.30 pagi.

Pengerusi Perlumbaan, Yang Di-Muliakan Pehin Datu Tambang Layaran Laila Diraja Awang Jack Turner menerangkan bahawa sa-banyak 15 achara perlumbaan akan di-pertandingkan pada hari itu. Sebelas dari-nya ia-lah bagi lumba perahu berkayoh dan empat lagi lumba motor sangkut.

Ini termasok-lah Lumba Perahu berkayoh bagi lima belas orang terbuka kapada Jabatan2 Kerajaan Brunei dan lumba rebutan sa-ramai lima belas orang bagi pasokan2 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Pehin-Pehin Timang-Timang Begawan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pegawai-Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama, Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Yang Teramat Mulia Wazir-Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria-Cheteria, Pehin-Pehin Menteri Berchiri, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan Ketua-Ketua Jabatan serta Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong ada-lah di-antara perlumbaan2 yang menarek akan dapat di-saksikan pada hari itu.

Lumba perahu berkayoh terbuka bagi sa-orang, sa-puloh orang, dua puloh orang, dua puloh lima orang dan tiga puloh orang serta lima belas orang perempuan dari Persatuan2 Perempuan Kampong, Urusan2 Rumah Tangga, Sosial dan Kelab2 Sukan, juga akan di-adakan.

Lumba perahu berkayoh bagi lima belas orang bahagian lelaki dan bahagian perempuan yang berumor tidak lebeh dari 22 tahun, terbuka kapada penuntut2 sekolah, maktab2, kadet2, pengakap2, Boys Brigade dan Persatuan2 Belia Brunei juga akan di-pertandingkan dalam temasha itu.

Tidak juga ketingalan lumba motor sangkut terbuka bagi engin2 yang berkuasa 20 kuasa kuda, 40 kuasa kuda, 60 kuasa kuda dan 40 kuasa kuda bagi perahu yang panjang-nya tidak kurang dari 15 kaki.

Pengerusi perlumbaan perahu itu juga menjelaskan bahawa lumba perahu berkayoh bagi dua belas orang terbuka kapada kaki-tangan2 dagang dalam Dewan2 Perniagaan, Sharikat2 Commercial dan Professional, Kelab2 Sukan dan Sosial juga akan di-masokkan dalam achara pada hari itu.

Sementara itu borang2 masok bagi memasoki perlumbaan tersebut maseh lagi terbuka dan hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Perlumbaan, Awang Abdullah bin Zakiah beralamat Jabatan Laut, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari hari Khamis 30hb. Januari.

## Pegawai Bimbingan ikuti kursus b-Inggeris di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai Bimbingan Projek Bahasa Inggeris, Jabatan Pelajaran Brunei, Awang Johary bin Moktar dan Awang Latif bin Burut telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu untok mengikuti kursus sa-lama empat bulan di-Pusat Pengajian Bahasa Inggeris Singapura.

Pemergian pegawai2 tersebut ada-lah atas dermasiswa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melalui Jabatan Pelajaran, Brunei.

Awang Mohiddin bin Ghani, Penyelia Sekolah Persediaan Inggeris Bangar, Temburong juga telah berlepas bersama2 mereka ka-Singapura pada hari itu.

Awang Mohiddin akan mengikuti kursus di-pusat yang sama sa-lama sa-tahun untok memperolehi diploma dalam bahagian Pengajaran Bahasa Inggeris sa-bagai bahasa asing.

## J/K Sekolah Melayu Pudak

KAMPONG PUDAK. — Satu meshuarat bagi melantek ahli2 Jawatankuasa Sekolah Melayu Pudak telah di-adakan di-sekolah itu baru2 ini.

Ketua Kampong Pudak, Awang Haji Akop bin Ideris telah di-pileh sa-bagai Penasehat; Yang Di-Pertua, Awang Mohammad Ali bin Ahmad; Pengerusi, Awang Haji Puting bin Mohammad Noor; Setia Usaha, Awang Abdul Rahman bin Haji Khamis; Bendahari, Awang Nudin bin Tahir dan Pemereksa Kira2, Awang Magon bin Hassan dan Awang Sulaiman bin Abdul Hamid.

Sa-ramai enam orang ahli2 jawatankuasa lain telah juga di-lantek.

Sementara itu, meshuarat pertama bagi ahli2 jawatankuasa Sekolah Melayu Pudak itu akan di-adakan pada hari Jumaat 7hb. Februari depan.

## PEMBETULAN

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan menetapkan lantekan Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail sa-bagai Menteri Besar mulai 1hb. Julai, 1974.

Yang Amat Mulia memangku jawatan tersebut sejak *1hb. Mei, 1972* dan bukan-nya sejak 1hb. Julai, 1972 saperti yang di-beritakan pada minggu lalu.

## Ketetapan harga F & N

BERIKUT ini ia-lah harga minuman ringan orange F & N yang di-tetapkan oleh Pengawal Harga. Kenaikan harga ini bermula dari 20hb. Januari 1975.

Harga runchit bagi minuman2 itu ada-lah saperti berikut:

10 oz dalam botol yang tidak di-kembalikan — 65 sen; 7 oz botol di-kembalikan — 35 sen dan 10 oz botol di-kembalikan — 45 sen.

Ketetapan harga ini ada-lah juga termasok bagi minuman yang di-sejokan yang di-jual di-kedai2 kopi.

Harga2 bagi minuman ini hanya bagi Bandar Seri Begawan, Muara, Tutong, Seria dan Kuala Belait.

# PENUNTUT2 YANG LULUS PEPEREKSAAN DARJAH VI UGAMA

*BERIKUT ini ia-lah penuntut2 Ugama yang telah lulus pepereksaan Sijil Darjah VI yang telah di-adakan pada tahun lalu.*

*Dari 406 orang penuntut dari 20 buah sekolah, sa-ramai 149 orang telah lulus yang mana tujoh orang mendapat bahagian II; 54 mendapat bahagian III dan 88 orang yang lain-nya di-anggap lulus.*

### *DAERAH BRUNEI I*

#### SEKOLAH UGAMA DATO' GANDI

Zaharah bte. Awang Damit, III; Dayang Timah/Fatimah bte. Ahmad, III; Dayang Asmah bte. Yusof, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA DELIMA SATU

Aini bte. Karim, II; Mahmud bin Haji Saidin, II; Dk. Hashimah bte. Pengiran Jaludin, III; Dayang Intan bte. Awang Damit III; Tampoi bte. Lamit, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA LURONG DALAM, PAGI

Abd. Kadir bin Mohammad, III; Abdullah bin Taha, III; Abdullah bin Haji Tengah, lulus; Liman/Hasnan bin Haji Jair, lulus; Mohd. Daud bin Abu Bakar, lulus; Mohd. Daud bin Abu Bakar, lulus; Ak. Bakar @ Ak. Mohammad bin Pg. Sulaiman, lulus; Ak. Ismail bin Pengiran Chuchu, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA LURONG DALAM, PETANG

Norsiah bte. Bakar, II; Jariah bte. Dalan, II; Ak. Baharudin bin Pengiran Damit, III; Rosnani bte. Metali, III; Rudiah bte. Md. Sarudin, lulus; Fatimah bte. Haji Jair, lulus; Siti Maimunah bte. Laini, lulus; Dy. Norhayati bte. Besar, lulus; Dy. Rosinah bte. Othman, lulus.

Maimun bte. Latip, lulus; Zariah bte. Bungsu, lulus; Kayah bte. Kasim, lulus; Kamariah bte. Othman, lulus; Kamariah bte. kadir, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA MADRASAH, PAGI

Mohammad bin Mohd. Zinin, II; Ya'akub bin Haji Tahir, III; Dk. Rosimah bte. Pg. Mohd., III; Sabariah bte. Adanan, III; Kassim min Tapa, III; Rahman Guanti bin Sulaiman, III; Adanan bin Haji Mohin, III; Mohd. Noor bin Mohammad, III; Md. Darus bin Tengah, III.

Ak. Shahrimin bin Pg. Haji Momin, III; Awg. Haji Tapa bin Haji Aris, III; Dk. Juraidah bte. Pengiran Hidup, III; Noriah bte. Ismail, III; Ak. Abd. Wahab bin Pengiran Omar, III; Haji Khalihan bin Hj. Mohd. Yusof, III; Hanafiah bin Haji Mohammad, III; Ahmad bin Jaafar, III; Mahadi bin Mohd. Tahir, III; Abd. Wahab bin Safar, III.

Mohd. Kamri bin Rakawi, III; Zakaria bin Ismail, III; Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Don, III; Kamlah bte. Haji Daud, III; Asrawi bin Haji Mohd. Yusof, lulus; Kalthom bte. Haji Daud, lulus; Ak. Aji bin Pengiran Ibrahim, lulus; Haji Tuah bin Haji Samat, lulus; Jumat bin Jeludin, lulus; Haji Nordin bin Haji Ya'akub, lulus.

Sulaiman bin Nayan, lulus; Awg. Md. Zainin bin Haji Metarsad, lulus; Awg. Md. Asari bin Haji Abdul Manap, lulus; Mohd. Yusof bin Sa'at, lulus; Kamariah bte. Abu Salim, lulus; Siti Norjuriah bte. Awang Tengah, lulus; Siti Hawa Mohammad, lulus; Salmah Awg. Ahmad, lulus; Dk. Sari bte. Pengiran Jumat, lulus; Dayang Siti Mariam bte. Haji Hashim, lulus.

Ak. Ali bin Pengiran Zainal, lulus; Ak. Yamin bin Pengiran Haji Momin, lulus; Salleh bin Haji Hidup, lulus; Musa bin Ja'afar, lulus; Yahya bin Idris, lulus; Yakib bin Haji Jumat, lulus; Abdullah bin Haji Halim, lulus; Omar bin Haji Momin, lulus; Sarbini bin Haji Abu Bakar, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA MADRASAH, PETANG

Ramlah bte. Haji Abd. Hamid, II; Mariah bte. Mahmud, II; Normah bte. Ismail, III; Fatimah bte. Haji Salleh, III; Dayang Hamni bte. Aspar, III; Siti Rahamah bte. Mohamad, III; Awang Ahamad bin Awg. Hi. Abd. Mohin. III; Awang Idris bin Awang Hi. Mohd. Nor, III; Awang Abdullah bin Awang Ahmad, III.

Yahya bin Bair, III; Dayang Masni bte. Haii Ibrahim. III; Maryani bte. Daud, III; Siti Normah bte. Mahmud, III; Siti hawa bte. Saban, lulus; Hasnah bte. Mat Ussop. lulus; Suri Yati bte. Ahmad. lulus; Dk. Insan bte. Pengiran Ismail. lulus; Pg. Norvaahimah bte. Pg. Muda Hashim. lulus; Kamsini bte. Husin, lulus.

Marzdiah bte. Awg. Bakar, lulus; Jamilah bte. Sulaiman, lulus; Siti Asmah @ Mariam bte. Awang Kadir, lulus; Dy. Shahriam bte. Mohd. Nor, lulus; Awang Ramli bin Omar, lulus; Dk. Mariam bte. Pengiran Lampoh, lulus; Rusni bte. Suliman, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA TANAH JAMBU

Naemah bte. Haji Basir, III; Warsono bin Sukaimi. III; Saviah @ Sayah bte. Hitam, lulus; Nauyah bte. Hassim @ Hasim, lulus.

### *DAERAH BRUNEI II*

#### SEKOLAH UGAMA SENGKURONG

Zariah bte. Haji Johan, lulus; Dayang Jijah bte. Matassan, lulus; Asmah bte. Haji Tamin, lulus.

### *DAERAH BELAIT*

#### SEKOLAH UGAMA MOHD. ALAM, SERIA

Seripah Halimah bte. Wan Taha, III; Julaihi bin Hidup, lulus; Aiani bte. Abd. Hamid, lulus; Faridah bte. Moss, lulus; Jamaliah bte. Jaya, lulus; Ramlah bte. Ibrahim, lulus; Hamidah bte. Mohd. Hanifah, lulus; Matasim bin Bolhasan, lulus; Mohd. Yusof bin Mohd. Nawi, lulus; Zainap bte. Samsuddin, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA PEKAN BELAIT

Misnah bte. Bohassan, III; Hajjah Rahimah bte. Hj. Abd. Hamid, lulus; Rosmah bte. Hamdan, lulus; Zamelah bte. Hamdan, lulus.

### *DAERAH TEMBURONG*

#### SEKOLAH UGAMA SULTAN HASSAN, BANGAR

Md. Yunos bin Taha, III; Tiawa bin Abas, III; Isak bin Bahar, lulus; Jamil bin Salleh, lulus; Lima bin Ibrahim, lulus; Norsalam bte. Tumor, lulus; Mariah bte. Nudin, lulus; Aminah bte. Yusof, lulus.

### *DAERAH TUTONG*

#### SEKOLAH UGAMA TANJONG MAYA

Fatmah bte. Aspal, III; Sairah bte. Abd. Manan, III; Nurdiah bte. Haji Suhaili, III; Naemah bte. Haji Suhaili, III; Salmah bte. Haji Suhaili, lulus; Salasiah bte. Abu Hasrah, lulus; Ma'arged bin Haji Suhaili, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA DANAU

Mohd. Salleh bin Jainuddin, lulus; Zainab bte. Ismail, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA LAMUNIN

Nordiah bte. Haji Ali Hassan, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA PENANJONG

Noraini bte. Musa, lulus; Juhana bte. Jaya, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA SENAUT

Hamiddon bin Md. Said, III; Ishak bin Haji Mohamad, III; Rahmah bte. Mohd. Said, lulus; Mahmud bin Ahmad, lulus.

#### SEKOLAH UGAMA TELISAI

Omar Ali bin Ismail, lulus.

# KEMENANGAN BERHUBONG RAPAT DGN PEMBENTOKAN PERIBADI




## *Berbuat kebajikan dahulu, jika inginkan kemenangan dunia dan akhirat*

SESUNGGOH-NYA tidak ada nasib yang paling di-takuti orang daripada kekalahan perlumbaan hidup dan tidak ada yang paling di-gemari oleh manusia melainkan kemenangan.

Kemenangan atau keberuntongan hidup di-dunia dan akhirat ada-lah suatu perkara yang di-tuntut oleh ugama Islam ia-itu sa-bagaimana firman Allah dalam surah Al-Haj ayat 77 yang bermaksud:

*"Wahai sekalian manusia yang beriman, ruku-lah kapada Allah, sujud-lah kapada Allah dan perhambakan diri mu kapada Allah, kemudian kerjakan-lah segala amal usaha kebajikan, mudah-mudahan dengan demikian kamu sampai kapada kemenangan".*

Adapun bulan yang sedang kita lalui sekarang ini ia-lah bulan yang menandakan permulaan lahir-nya kedua2 tahun baru Hijrah dan Masehi. Bulan Januari ada-lah tanda kelahiran tahun baru Masehi 1975, manakala bulan Muharam ada-lah permulaan lahir-nya tahun baru Hijrah, 1395.

Bagi kita umat Islam di-negeri ini kedatangan kedua2 tahun ini sewajar-nya-lah di-jadikan sa-bagai tapak permulaan langkah menuju kemenangan yang di-redhai Allah. Kerana kita harus menyedari bahawa di-atas bahu kita terletak tanggong-jawab yang sangat berat ia-itu penyertaan kita bersama dalam Ranchangan Kemajuan Negara yang baru.

Tetapi satu perkara yang amat perlu di-perhatikan oleh sa-tiap orang ia-lah yang di-namakan kebajikan, kerana jikalau kita inginkan kemenangan dunia dan akhirat maka hendak-lah kita mendahului diri berbuat kebajikan dan menjadi pasbak al-akhirat, yakni mendahului mengerjakan kebajikan. Hendak-lah kita ketahui, apa yang di-katakan baik itu ia-lah meninggalkan kejahatan, sebab itu hendak-lah kita menjauhi lebeh dahulu segala yang jahat dan tidak baik dan kita membersehkan diri peribadi kita dari segala sifat2 yang tidak baik dan di-chela oleh Allah, sa-umpama segala noda dan chachat yang boleh merendahkan nilai kemanusiaan dan mertabat ke-Islaman kita. Sa-telah itu baru-lah kita menegakkan azam dan kemahuan untok sama2 bertanggong-jawab memenohi seruan ugama dan negara.

Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah memulai usaha membina kemenangan dunia Islam, dengan menegakkan Ugama dan pembentokan akhlak peribadi Baginda terlebeh dahulu, kemudian di-iringi oleh para sahabat dan kemudian para pengikut2 ugama Islam serta membesarkan keluarga umat Islam sa-bagai satu keluarga yang berpengaroh di-dunia ini.

Demikian-lah antara lain bahawa chita2 kemenangan itu sebenar-nya berhubong rapat-nya dengan pembentokan peribadi terlebeh dahulu. Apabila peribadi telah terbina dengan kuat dan tegoh, mudah-mudahan azam dan keinginan kita untok sama2 menyahut seruan negara, bangsa dan ugama akan mendapat keredhaan Allah Subanahu-Wataala.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 29hb. Januari, 1975 hingga ka-hari Selasa 4hb. Februari, 1975 ada-lah saperti di-bawah ini:–*

| *Hari Bulan* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 29hb. Jan. | 12-39 | 3-59 | 6-36 | 7-47 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 30hb. Jan. | 12-39 | 3-59 | 6-36 | 7-47 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 31hb. Jan. | 12-39 | 3-59 | 6-36 | 7-47 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 1hb. Feb. | 12-40 | 4-00 | 6-37 | 7-48 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 2hb. Feb. | 12-40 | 4-00 | 6-37 | 7-48 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 3hb. Feb. | 12-40 | 4-00 | 6-37 | 7-48 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |
| 4hb. Feb. | 12-40 | 4-00 | 6-37 | 7-48 | 5-07 | 5-21 | 6-36 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.*



PERMOHONAN2 untok juruhebah sambilan maseh lagi di-terima. Sa-takat ini Pengelola Ranchangan Radio Brunei menerima lebeh dari 200 permohonan sejak jawatan itu di-iklankan dua minggu lalu.

Ujian suara bagi 100 orang pemohon telah di-adakan di-Stadio Radio Brunei pada minggu lalu.

Ujian suara bagi 100 orang pemohon lagi akan di-adakan pada hari Jumaat 31hb. Januari dan yang lain-nya pada hari Ahad 2hb. Febuari.

Gambar atas menunjokkan Pengiran Othman bin Pengiran Ismail (kanan) ketika menjalankan ujian suara kapada salah sa-orang pemohon.

# 389 ORANG PENUNTUT BRUNEI MENUNTUT DI-LUAR NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 389 orang penuntut yang menerima dermasiswa Kerajaan Brunei sedang menuntut di-luar negeri pada masa ini.

Menurut surat keliling yang di-terbitkan oleh Jabatan Pelajaran baru2 ini menunjokkan dari jumlah tersebut sa-ramai 291 orang menuntut di-United Kingdom; 86 orang menuntut di-Repablik Singapura — termasok sa-orang yang menjalani latehan dalam perkhidmatan; 3 orang di-New Zealand, dua di-Australia dan 7 orang di-Canada — termasok dua orang yang menjalani latehan dalam perkhidmatan.

Dalam tahun 1974 sahaja, sa-ramai 133 orang penuntut telah di-hantar keluar negeri untok melanjutkan pelajaran menengah dan mengikuti kursus diploma dan ijazah.

Sa-ramai 83 orang telah di-hantar untok melanjutkan pelajaran menengah — 72 orang di-United Kingdom dan 11 orang di-Singapura. Dan yang lain-nya menjalani kursus diploma dan ijazah. Dua-puloh orang di-United Kingdom; 12 orang di-Singapura — termasok tiga orang latehan dalam perkhidmatan; 5 orang di-Canada — termasok sa-orang latehan dalam perkhidmatan; sa-orang di-Australia dan tiga orang menerima biasiswa Ranchangan Colombo New Zealand.

Sementara itu dalam tahun 1974, sa-ramai 17 orang penuntut telah lulus dan berjaya dalam pengajian mereka dan balek ka-Brunei termasok dua orang Latehan Dalam Perkhidmatan. Dalam tahun itu juga sa-ramai 5 orang penuntut telah di-berhentikan dermasiswa mereka kerana gagal dalam pengajian mereka.

## Kelas Dewasa di-tubohkan di-S.M. Dato Gandi

DATO GANDI. — Sekolah Melayu Dato Gandi Bahagian Brunei Tiga akan menubohkan kelas pelajaran dewasa mulai awal bulan Februari depan.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa sekolah itu berkata, pelajaran yang akan di-adakan ia-lah menaip, trengkas, bahasa Inggeris, membenteras buta huruf dan urusan rumah tangga.

Penyelia Kelas Dewasa Sekolah Melayu Dato Gandi, Che'gu Abd. Wahab bin Haji Nayan menyeru pendudok2 Kampong Dato Gandi dan pendudok2 di-sekitar-nya yang ingin memasoki kelas2 tersebut supaya mendaftar nama2 mereka mulai dari sekarang.

Pendaftaran hendak-lah di-buat kapada Penyelia Kelas Dewasa Sekolah Melayu Dato Gandi tidak lewat dari 1hb. Februari, 1975.

## Meshuarat agong PESAKA

KERIAM, TUTONG. — Persatuan Melayu Keriam Tutong — PESAKA akan mengadakan meshuarat agong-nya pada hari Jumaat 31hb. Januari jam 8.00 pagi.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Setia Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof akan merasmikan meshuarat tersebut.

Beberapa agenda termasok memileh ahli2 jawatankuasa tadbir bagi tahun 1975 akan di-binchangkan dalam meshuarat itu.

Yang Di-Pertua PESAKA, Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Safar menyeru ahli2 persatuan itu supaya hadhir ka-majlis tersebut.

# Kenyataan Pegawai Penguasa Warith

SURAT KUASA PESAKA
No. 79/1974.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Vivien Ang Lian Eng, d/a Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ang Leng Chuan yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Singapura dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 5 haribulan Febaruari, 1975 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1975.

SURAT KUASA PESAKA
No. 5/1975.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lucy Tseu Nyuk Lu, d/a Mile 4½, Jalan Tutong, Kg. Medewa, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Anthony Lee Kok Chan yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Singapura dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Februari, 1975, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 23 haribulan Januari, 1975.

SURAT KUASA PESAKA
No. 6/1975.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dk. Nooralam bte. Pg. Matrsad, d/a No. 19, Kg. Si-Raja Muda 'A', Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pg. Arsat bin Pg. Sapiudin @ Pg. Metarsat yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Februari, 1975, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 23 haribulan Januari, 1975.

SURAT KUASA PESAKA
No. 7/1975.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Hidup bte. Hj. Ibrahim, d/a Ibrahim bin Hj. Mohd Salleh, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hj. Ibrahim @ Haji Gantang bin Haji Adam yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Februari, 1975, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 23 haribulan Januari, 1975.

SURAT KUASA PESAKA
No. 8/1975.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hj. Matamit bin Sagap, d/a Timbang bin Nasir, Pejabat Kewangan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dollah bin Apong @ Dollah bin Unus yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kemanakan kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Februari, 1975, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 23 haribulan Januari, 1975.

SURAT KUASA PESAKA
No. 9/1975.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Aminah bte. Ibrahim @ Rosnah, d/a P.O. Box 1647, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ak. Ahmad bin Pg. Tuah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Februari, 1975, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 23 haribulan Januari, 1975.

SURAT KUASA PESAKA
No. 10/1975.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Man Man Chang, d/a Kg. Kianggeh, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Shek Pit Wan (f) yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Februari, 1975, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 23 haribulan Januari, 1975.

SURAT KUASA PESAKA
No. 11/1975.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Butir bin Lamit, d/a Kampong Masin, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lamit bin Jaludin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Februari, 1975, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 23 haribulan Januari, 1975.

SURAT KUASA PESAKA
No. 12/1975.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Sazin Ah Hou, d/a No. 52, Kg. Kianggeh, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Yaw Lee yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 haribulan Februari, 1975, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 23 haribulan Januari, 1975.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG**
**Pegawai Penguasa Warith,**
**Negeri Brunei.**

# Tiga orang penuntut lulus pereksa S.P.U.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang penuntut dari Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan telah lulus pepereksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei yang telah di-adakan dalam bulan Nobember tahun lalu.

Dayang Saadah binte Jalil mendapat Pangkat I sementara Dayang Maimun binte Mohd. Jair dan Dayangku Zaleha binte Pengiran Omarali masing2 mendapat Pangkat III.

Ini ada-lah kali kedua penuntut2 Ugama mengambil pepereksaan itu.

Dalam pepereksaan yang pertama ia-lah dalam tahun 1973 yang mana sa-ramai 15 orang penuntut telah lulus.

## Masok Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang puak jati Dusun, Dayang Minah binte Nasar yang berumor 20 tahun pada hari Sabtu yang lalu (25hb. Januari, 1975) telah memelok ugama Islam di-hadapan Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned di-Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan di-saksikan oleh beberapa orang pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Dayang Minah binte Nasar sekarang di-kenali sa-bagai Dayang Siti Noor Aminah binte Abdullah.

Dayang Siti Noor Aminah telah di-hadiahkan kitab2 ugama, sa-pangadak pakaian, sejadah dan wang tunai yang telah di-sampaikan oleh Setia Usaha Baitul Mal Zakat dan Fitrah, Awang Bolhassan bin Md. Jair di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Majlis Ugama Islam.

(Dari muka 1)

jek perusahaan dan pertanian saperti yang terkandong dalam Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang baru", tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat itu bershukor ka-hadharat Allah kerana dengan limpah kornia-Nya kita dapat berhidup dalam keadaan aman dan damai dan berharap keadaan saperti itu akan kekal di-masa2 yang akan datang supaya kita dapat memperkembang dan mempertinggikan lagi taraf hidup masing2.

Akhir-nya Yang Berhormat bagi pehak Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan mengucHapkan tahniah atas usaha dan nait baik anggota PERKASA serta menghargai usaha2 yang di-jalankan oleh persatuan itu.



*Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin (No. 5 dari kiri) di-sertai oleh Pegawai2 Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam majlis dailog dengan Pegawai2 Mesjid dan Guru2 Ugama Daerah Belait yang telah berlangsong pada 23hb. Januari, 1975 di-Dewan Mesjid Mohd. Jamalul Alam, Kuala Belait. — Gambar JHEU/BP.*

# Majlis dailog

KUALA BELAIT. — Satu majlis dailog antara Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin yang di-sertai oleh Pegawai2 Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan Pegawai2 Mesjid dan Guru2 Ugama Daerah Belait telah di-adakan pada 23hb. Januari, 1975 bertempat di-Dewan Mesjid Mohd. Jamalul Alam, Kuala Belait.

Tujuan majlis dailog itu ialah untok membinchangkan beberapa masaalah2 yang di-hadapi oleh Pegawai2 Mesjid dan Guru2 Ugama sa-chara dekat lagi dan bagaimana chara2 mengatasi-nya.

Sa-belum ini majlis yang serupa juga telah di-adakan bagi Daerah Temburong pada 9hb. Januari, 1975 yang lalu. Sementara bagi Daerah Tutong pula berlangsong pada hari ini di-Dewan Mesjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.



## PENUNTUT TERBAIK 1974 MENERIMA HADIAH

*EMPAT orang penuntut S.M.M. Muhammad Alam, Seria yang telah mendapat keputusan yang chemerlang dalam pepereksaan SRP Brunei telah di-pileh sa-bagai penuntut terbaik 1974.*

*Ke-empat2 orang penuntut itu teloh menerima hadiah khas dalam satu majlis penyampaian hadiah pada minggu lalu.*

*Di-samping itu 26 orang penuntut Tingkatan I, II dan III yang terbaik dalam tiap2 mata pelajaran juga menerima hadiah pada hari itu.*

*GAMBAR: Menunjokkan Pengetua S.M.M. Muhammad Alam, Che'gu Tuah bin Haji Hitam sedang menyampaikan hadiah kapada Awang Abd. Rahman bin Ahmad.*

## Upachara perbarisan tamat latehan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu upachara perbarisan tamat latehan bagi 52 orang rekrut lelaki dan 30 orang rekrut wanita akan di-adakan di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara pada hari Sabtu 15hb. Februari depan. Kira2 300 orang anggota pulis juga akan menyertai perbarisan itu. Wanita2 dalam perbarisan itu ia-lah rekrut wanita yang pertama berkhidmat dengan pasokan Pulis Diraja Brunei.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah yang juga selaku Pesurohjaya Pulis Kehormat akan berangkat ka-upachara itu untok memereksa dan menerima tabek kehormatan.

Yang Teramat Mulia itu juga akan menyampaikan hadiah2 kapada rekrut2 yang terbaik sa-masa menjalani latehan.

## Wakil K'jaan Brunei di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah Pejabat Wakil Kerajaan Brunei akan di-buka di-Repablik Singapura mulai dari 1hb. Februari depan.

Satu surat keliling yang di-keluarkan oleh Pejabat Setia Usaha Kerajaan menyatakan bahawa pejabat itu akan mengambil aleh segala urusan2 yang lazim-nya di-jalankan oleh Sharikat Borneo dan bukan-lah untok menjalankan urusan2 lain dengan Kerajaan Singpura atau mana2 Kerajaan pun.

Kenyataan itu menambah, mulai dari tarikh itu, segala persuratan yang lazim-nya di-alamatkan kapada Sharikat Borneo hendak-lah di-alamatkan kapada:

Pejabat Wakil Kerajaan Brunei,
Brunei House,
7C Tanglin Hill,
Singapura 10.

(Dari muka 1)

Oleh kerana peruntokan masa belajar di-sekolah2 Ugama terlalu terhad, maka Yang Berhormat itu menyeru ibu-bapa supaya mengator sedikit masa yang terpeluang bagi anak2 mereka mengikuti pelajaran tambahan sa-chara berguru di-surau2, di-mesjid2, di-balai2 dan di-rumah2.

Beliau berharap semoga langkah2 itu akan menjadi asas kapada menanamkan semangat dan akar umbi keperchayaan beragama di-kalangan2 murid2 supaya mereka apabila dewasa nanti akan menjadi masharakat yang terasoh dan terdidek dengan ke-Islaman yang sa-jati dan benar2 beriman serta takwa kapada Allah.

## 49 penuntut Ugama di-seberang laut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 49 orang penuntut Ugama pada masa ini sedang menuntut di-seberang laut atas biasiswa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Sa-ramai 26 orang dari mereka telah di-hantar ka-Singpura untok melanjutkan pelajaran di-Madrasah Al-Junid dan 23 orang yang lain-nya menuntut di-Universiti Al-Azhar, Kaherah.

Sa-orang dari penuntut Brunei di-Universiti Al-Azhar, Awang Haji Mohammad Saadon bin Awang Othman pada masa ini sedang melanjutkan pelajaran-nya bagi mendapatkan ijazah Ph. D. dalam jurusan Perundangan Islam.



*Sa-bahagian dari ahli2 persatuan PERKASA yang telah hadhir di-majlis pembukaan rasmi meshuarat agong persatuan itu pada hari Ahad lalu.*

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN PEJABAT SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.